

Tarikh baharu Olimpik Tokyo 23 Julai - 8 Ogos 2021

Astro Awani

30 Mac 2020

JAWATANKUASA Olimpik Antarabangsa (IOC) dan Jawatankuasa Olimpik Tokyo mengesahkan tarikh baharu bagi temasya sukan itu akan bermula 23 Julai hingga 8 Ogos 2021.

Menerusi kenyataan rasmi IOC, Presidennya, Thomas Bach berterima kasih kepada semua pihak terlibat dalam usaha merancang semula pelan temasya sukan ini selepas terpaksa ditunda akibat penularan COVID-19 di seluruh dunia.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persekutuan Antarabangsa atas sokongan mereka dan Jawatankuasa Kontinental Kebangsaan atas perkongsian mereka sepanjang proses rundingan sejak beberapa hari lalu.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada Suruhanjaya atlet IOC yang sentiasa berhubung dengan kami.

"Dengan pengumuman ini, saya pasti kerjasama bersama Jawatankuasa Olimpik Tokyo 2020, Kerajaan Tokyo dan Jepun dan semua pemegang taruh akan dapat melaksanakan temasya ini," ujarnya.

Bagi temasya Paralimpik Tokyo 2021 pula, ia akan berlangsung bermula 24 Ogos hingga 5 September 2021.

Presiden IPC, Andrew Parsons dalam satu kenyataan berasingan memaklumkan, tarikh baharu ini adalah jaminan yang diinginkan oleh semua orang.

"Tarikh baharu ini memberi kepastian untuk para atlet dan jaminan untuk pihak berkepentingan serta berita baik yang diinginkan oleh seluruh dunia," jelasnya.

Sebelum ini, Perdana Menteri Jepun, Abe Shinzo mengumumkan penundaan temasya Olimpik dan Paralimpik 2020 di Tokyo pada tahun hadapan susulan penularan wabak COVID-19.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tarikh-baharu-olimpik-tokyo-23-julai-8-ogos-2021-235998>